



PERUTUSAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN 2021
TARIKH: 15 FEBRUARI 2021 , MASA: 10.00 PAGI
DI PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim..

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, dan Salam**

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,
MENGAMIT DUNIA.”**

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita ucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana meskipun kita masih belum menang melawan wabak COVID-19, namun, dengan izin dan limpah kurnia-nya, kita masih dapat meneruskan kehidupan di sebuah negeri yang aman dan harmoni ini.
2. Kita semua sedia maklum, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan yang

sangat besar kepada ekonomi, kehidupan sosial dan emosi masyarakat. Sungguhpun begitu, saya yakin, dengan kejituan dan usaha –usaha yang dilakukan oleh kerajaan dan seluruh lapisan masyarakat, kita mampu membendung wabak ini daripada menjadi semakin parah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

ISU PENYALAHGUNAAN DADAH

3. Di saat kita masih berdepan dengan Pandemi COVID-19, janganlah kita lupa musuh nomor 1 negara yaitu DADAH. Isu penyalahgunaan dadah, bahan dan substansi serta pelencengan sosial masih menjadi permasalahan sosial utama, baik di Negara maupun negeri kita.
4. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah dilakukan sejak dadah diisytiharkan sebagai musuh nomor satu negara pada 19 Februari 1983.

Kerajaan telah merangka polisi yang jelas melalui peruntukan akta-akta berkaitan dadah dan Dasar Dadah Negara (DDN) untuk menggerakkan usaha yang bersepadu dalam mengekang penularan penyalahgunaan dadah.

5. Saya dimaklumkan, agensi Antidadah Kebangsaan akan meneruskan sasaran Dadah Terkawal 2025. Usaha ini akan dilaksanakan berdasarkan model-model yang telah dikenalpasti semasa pelaksanaan Projek Inisiatif Bersepadu bagi menangani

permasalahan dadah, substan, dan pelencongan sosial pada tahun lalu.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

6. Pada tahun 2021, AADK menyasarkan untuk menghidjaukan 30 kawasan Berisiko Tinggi (KBT), dimana 2 daripadanya adalah di Negeri Melaka iaitu KBT Masjid Tanah dan KBT Krubong. Berdasarkan kepada data yang dikeluarkan oleh AADK Negeri Melaka, laporan menunjukkan terdapat kes

penagihan dadah baharu pada setiap bulan terutama di KBT Krubong dan KBT Masjid Tanah.

7. Sehubungan dengan itu, **PERTAMANYA:** saya mahukan semua agensi di Negeri Melaka serta komuniti setempat untuk bertanggungjawab, bersama-sama cakna dan ambil peduli memastikan persekitaran tempat tinggal, institusi pendidikan dan tempat kerja bebas daripada dadah.

8. **KEDUA:** institusi pendidikan, khususnya guru-guru, perlulah memainkan peranan besar dalam

pembentukan sahsiah dan pembangunan jati diri generasi muda, kerana sebahagian besar perkembangan individu berada di alam pendidikan secara formal.

9. **KETIGA:** kepada anak-anak, golongan pelajar yang merupakan tonggak utama masa depan negara, gunakanlah masa-masa yang terluang untuk meningkatkan kemahiran sendiri, seperti kemahiran asetif, kemahiran komunikasi, kemahiran bersosial dan penglibatan gaya hidup sihat secara aktif, untuk

mengelak daripada terjebak dalam permasalahan sosial dan penagihan dadah yang berbahaya ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Berdasarkan data kes Pengawasan AADK Negeri Melaka pada Januari 2021, golongan belia mempelopori 76 peratus daripada sejumlah 1,675 orang, yang sedang menjalani pengawasan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan 1983).

11. Jumlah ini amat membimbangkan, kerana kita perlu ingat, golongan belia merupakan modal insan yang mengemudi negara pada masa hadapan. Kita perlu memberi perhatian pada golongan ini dengan melengkapkan diri mereka dengan jati diri yang kukuh, agar dapat menghindari permasalahan ini.

12. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Melaka bersama AADK sangat prihatin untuk membantu golongan belia, dengan slogan **“Lebih Baik Cegah”** sempena Hari Antidadah Kebangsaan yang ke-38 tahun 2021. Tema ini dipilih bagi mendorong semua

pihak mengambil tanggungjawab dan tindakan awal, dalam menangani permasalahan dadah seiring dengan pepatah Melayu **“Mencegah Lebih Baik Daripada Merawat”**.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

13. Di kesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah, segeralah mendapatkan rawatan dan menjalani

pemulihan secara sukarela sama ada di fasiliti yang telah disediakan oleh kerajaan mahupun swasta. Ini akan membantu hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan Melaka lebih berharga tanpa dadah.

14. Akhir kata, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menangani isu dadah. Semoga usahasama jitu ini akan menjadikan Melaka sebagai negeri yang maju jaya, rakyatnya bahagia sihat sejahtera.

***“PANTAI KLEBANG, BERSINAR INDAH,
DESIRAN OMBAKNYA, MEMPERSONA DUNIA,
MELAKA MAJU JAYA, TANPA DADAH,
RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA.”***

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.